



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

PESTA KANOWIT 2025: MEMPERKUKUH WARISAN, MENYATUKAN GENERASI

KANOWIT, SARAWAK – Majlis Daerah Kanowit dan Pusat Khidmat Ahli Parlimen Kanowit, dengan kerjasama Kementerian Perpaduan Negara dan Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak, akan menganjurkan Pesta Kanowit 2025 bermula 24 Oktober hingga 2 November 2025.

Pesta ini menampilkan pelbagai aktiviti menarik termasuk Kanowit RC Boat Challenge, Kanowit Power Boat Race, pameran perniagaan dan agensi, pesta ria, perarakan gagong, gendang pampat, nasih ai, serta Pertandingan Ratu Pesta Kanowit. Semua aktiviti ini dirancang untuk merangkumi hiburan, pendidikan warisan, dan peluang perniagaan untuk masyarakat setempat.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara menyatakan Pesta Kanowit bukan sahaja menjadi platform meraikan budaya dan tradisi tempatan, tetapi juga medium memperkukuh identiti negara dan semangat perpaduan dalam kalangan generasi muda. Bangsa yang mengenal akar warisannya akan lebih berani menatap masa depan, menyalakan inspirasi, dan membina jati diri yang kukuh demi kesejahteraan bersama.

Majlis ini terbuka kepada semua lapisan masyarakat dan diharapkan dapat menjadi titik pertemuan antara warisan dan inovasi, sambil menyemai semangat kebersamaan dan jati diri dalam kalangan rakyat.

Kementerian Perpaduan Negara

25 Oktober 2025

KPN.100-9/1/16 (90)